

Nikmati Setiap Butiran dengan Tunas Telinga Tanpa Wayar Sebenar Technics

Apa sahaja yang dilakukan dan di mana sahaja, tunas telinga generasi baharu Technics menawarkan bunyi imersif dan operasi mudah dengan pelbagai fungsi dan bergaya

- Diafragma free-edge aluminium 10mm baharu menyampaikan kualiti bunyi terhebat antara semua tunas telinga¹ Technics sehingga kini, hasil pengalaman dalam dunia bunyi selama 55 tahun.
- Pembatalan hingar aktif terunggul di pasaran.
- Sambungan Multipoint Bluetooth® dengan sebanyak tiga peranti.
- Teknologi JustMyVoice™ dimantapkan untuk menawarkan kebolehan pengurangan bunyi persekitaran yang lebih baik.
- Rekabentuk diperbaharui untuk penyesuaian lebih selesa di telinga.

Technics melancarkan dua tunas telinga tanpa wayar pembatalan hingar, model utama EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2, direka khas untuk mereka yang menginginkan kualiti bunyi mantap dan keselesaan dalam kesibukan hidup seharian.

Tunas telinga kini menjadi kemestian dalam kehidupan kita sehari-hari. Digunakan sepanjang hari untuk keperluan berbeza – pembatalan hingar ketika bersesak dalam pengangkutan awam; sebagai mikrofon ketika mesyuarat; serta menyalurkan bunyi yang jelas dan kalis peluh ketika bersenam. Dalam ikhtiar Technics mereka generasi baharu fon telinga tanpa wayar sebenar, ciri utama ialah rekaan tunas telinga yang memenuhi setiap keperluan gaya hidup, kekal selesa dipakai sepanjang hari dan kemudahan untuk tidak perlu menukar ganti fon telinga berlainan atau mengorbankan kualiti, keselesaan atau ciri-ciri canggih.

Dengan model baharu EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2, anda bebas menikmati kualiti bunyi terhebat dan meluahkan gaya peribadi. Ketika mereka tunas telinga baharu, Technics menyalurkan kepakaran sebagai jenama audio terulung bagi menghasilkan kualiti bunyi tulen, menumpukan setiap aspek bunyi – *driver*, struktur akustik, struktur mekanikal dan pemprosesan isyarat digital – supaya anda dapat mendengar setiap butiran.

Ciri pintar model terbaharu menawarkan panggilan jelas dengan teknologi JustMyVoice™, pembatalan hingar terancang dalam industri, hayat bateri yang lama, sambungan multipoint dengan sebanyak tiga peranti dan pengecasan tanpa wayar. Dilitupi reka bentuk bergaya dan mesra ergonomi, tunas telinga selesa dipakai sepanjang hari dengan tujuh saiz pelekap telinga berlainan, EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 dibentuk khas untuk suaiannya sempurna dan selesa.

Bunyi Jelas Keistimewaan Technics

Kualiti bunyi tanpa tandingan. Kini tanpa wayar.

Memanfaatkan falsafah kejuruteraan bunyi Hi-Fi dan kepakaran teknikal yang disemai sepanjang kewujudan sepanjang 55 tahun, tunas bunyi tanpa wayar Technics menjadi pilihan sesiapa yang menginginkan kualiti tinggi setiap kali menikmati bunyi.

Model utama EAH-AZ80 memperkenalkan diafragma aluminium 10mm, tepian terbuka yang menawarkan kualiti bunyi terhebat daripada tunas telinga tanpa wayar sejati Technics, melanjutkan respons frekuensi tinggi dan rendah sambil menyingkirkan resonans dan herotan tidak diingini. Reka bentuk peti akustik unik pada model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 mengandungi ruang kawalan akustik yang mengoptimumkan aliran udara untuk melantunkan vokal berbunyi semulajadi serta rangkaian pertengahan lain: bass mantap serta harmoniser yang melincirkan treble bagi menghasilkan rangkaian bunyi dinamik dengan herotan rendah. Ini menghasilkan bunyi yang mewah, mengasyikkan dan tersebar dengan ciri-ciri kaya dan terperinci, membolehkan anda mendengar setiap butiran.

Selain itu, EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 menawarkan Kualiti Audio Resolusi Tinggi dilengkapi teknologi Bluetooth® dan LDACⁱⁱ, mengetengahkan rangkaian bunyi dinamik dengan respons pantas dan definisi tinggi.

Pembatalan Hingar Imersif Terunggul di Industri

Bila-bila sahaja anda ingin diulit muzik atau memberi tumpuan dalam mesyuarat, model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 mengandungi Teknologi Pembatalan Hingar Hibrid Duaan hak cipta tersendiri Technics untuk mencapai prestasi terunggul dalam industriⁱⁱⁱ. Kombinasi penapis perisian digital dan mikrofon *feed forward* menghindar bunyi daripada luar tunas telinga, manakala mikrofon suap balik dipadankan dengan penapis perkakasan analog mengawal bunyi daripada dalam tunas telinga. Gabungan ini mengizinkan tahap pembatalan hingar disesuaikan dengan persekitaran, sama ada di dalam rumah atau ketika ke sana sini, manakala pemprosesan kependaman sifar memastikan anda takkan terlepas satu rentak sekalipun.

Tahap pembatalan hingar berbeza ketara mengikut individu disebabkan perbezaan bentuk telinga dan faktor-faktor lain. Oleh itu, sila cuba pelbagai saiz pelekap telinga yang disertakan untuk mengenalpasti suaian sempurna dan gunakan app Technics Audio Connect untuk menyesuaikan efek pada telinga.

Ciri Pintar Intuitif

Sambungan Multipoint sehingga “3 Peranti” serentak

Sambungan elok menjadi keutamaan apabila ‘dial in’ sambil ke sana sini, mengaturkan mesyuarat, membuat panggilan dan menikmati muzik rentas peranti. EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 kini menyokong sambungan multipoint dengan sebanyak tiga peranti Bluetooth® serentak, membolehkan anda beralih antara sumber bunyi dengan mudah.

Teknologi JustMyVoice™

Kedua-dua model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 dilengkapi teknologi JustMyVoice™ menggunakan pemprosesan isyarat unik Technics untuk menganalisis isyarat suara anda dan menghindarkan bunyi sekeliling supaya suara anda ditangkap jelas. Mikrofon pengesan suara mengesan suara anda apabila bercakap, manakala dua mikrofon MEMS aktif mengasingkan suara anda dan mengurangkan hingar dengan teknologi beamforming untuk memastikan panggilan jelas walaupun di persekitaran bising atau ketika bekerja di rumah. Sejumlah lapan mikrofon – empat pada setiap telinga – memainkan peranan utama dalam memastikan perbualan telefon lebih selesa dan terbiasa.

Teknologi JustMyVoice™ di model tanpa wayar terbaharu telah diubah suai untuk menampilkan kebolehan pengurangan hingar tidak kira persekitaran, seperti pada hari berangin atau apabila bermesyuarat dalam talian di kopitiam yang bising. Isyarat pengesanan suara dan ciri menahan hingar adaptif – yang disesuaikan dengan tahap hingar secara automatik – membolehkan suara anda disampaikan dengan lebih jelas di persekitaran berangin atau bising sambil mengelakkan bunyi teredam.

Operasi Satu Tunas

Model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 boleh dioperasikan dengan bebas apabila menggunakan hanya satu tunas, sama ada kiri atau kanan. Di App Technics Audio Connect, anda bebas menyesuaikan sentuh dan tahan, aksi dua tekan tunggal, dua kali atau tiga kali (seperti naik/turun volume, langkau ke hadapan/belakang, mod pembatalan hingar atau bunyi persekitaran on/off). Anda juga boleh menetapkan fungsi tertentu pada setiap tunas telinga. Dengan kebolehan menetapkan fungsi tunas telinga menurut kesukaan, anda kini diberi pelbagai pilihan personalisasi, terutamanya apabila ingin menggunakan hanya satu tunas telinga.

Mod Bunyi Persekitaran

EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 juga dilengkapi mod bunyi persekitaran unik yang boleh ditetapkan pada mod “Natural Ambient” (Persekitaran Alamiah) dan “Attention” (Perhatian). Mod Natural Ambient mengesan semua hingar sekeliling, membolehkan anda mendengar muzik atau bercakap di telefon sambil memberi perhatian kepada persekitaran anda. Mod Attention mengesan bunyi di julat frekuensi suara manusia, memastikan anda boleh mendengar suara manusia berhampiran seperti pengumuman di lapangan terbang atau suara ahli keluarga di rumah dan pada masa yang sama mengurangkan bunyi luaran lain yang tidak diingini. Selain itu, menggunakan app Technics Audio Connect, anda boleh menyesuaikan tahap bunyi luaran yang anda ingin dengar pada kedua-dua mod tersebut, menggunakan antaramuka jenis slider yang inovatif.

Jangka Hayat Bateri Diperpanjangkan

Jangka hayat bateri yang panjang bermaksud model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 masih beroperasi apabila kerja – atau rehat – anda dilanjutkan tempoh. Menyediakan 7.5 jam main balik muzik tanpa pembatalan hingar (25 jam apabila menggunakan pemegang *cradle*); tujuh jam main balik muzik di mod pembatalan hingar aktif (24 jam apabila menggunakan pemegang *cradle*) dan tempoh panggilan empat jam apabila pembatalan hingar aktif dan teknologi JustMyVoice™ dipasang (13.5 jam apabila menggunakan pemegang *cradle*). Dilengkapi sensor pakai yang menghentikan main balik apabila tunas telinga dikeluarkan dari telinga dan bersambung secara automatik apabila dipasang semula, sensor ini juga mengelakkan main balik tak sengaja dan penggunaan bateri tak dijangka.

Ciri Pintar: Pengecasan Qi, Penyesuaian menggunakan App, Ciri Tahan Air (IPX4)

Dengan ciri Pengecasan Tanpa Wayar Qi untuk EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2, pengecasan bermula dengan hanya meletakkan pemegang *cradle* pada pengecas tanpa wayar.

App Technics Audio Connect untuk telefon pintar memudahkan konfigurasi dan kawalan tunas telinga tanpa wayar EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2, menawarkan keserasian pembantu suara^{iv} dan penyesuaian tetapan pembatalan hingar dan mod bunyi. Ciri baru di app ialah fungsi menyemak bateri, penyamarata bass super dan kebolehan beralih antara panduan suara dan efek bunyi.

Anda boleh membawa tunas telinga tanpa wayar sejati Technics hampir ke mana-mana sahaja. Model EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 menawarkan prestasi tahan air seiring dengan standard IPX4 dan tidak terdedah kepada kerosakan apabila dipercik air dari mana-mana arah. Kedua-dua model turut dipasang siap dengan Alexa.

Rekabentuk Selesa Sepanjang Hari

Pendamping setia pada hari yang sibuk, rekabentuk EAH-AZ80 dan EAH-AZ60M2 ditambahbaik daripada generasi terdahulu, supaya kekal di posisi selesa tidak kira aktiviti yang dilakukan. Model premium EAH-AZ80 mempunyai bekas luaran yang disuaikan dengan konka telinga untuk kestabilan bertambah dan tanpa tekanan seperti yang sering dialami dengan rekabentuk tunas telinga yang lain. EAH-AZ60M2 mempunyai bekas luaran Rekaan *All-Day Comfort Fit* dengan kawasan kontak yang lebih luas dan selesa serta kukuh. Pelekap telinga silikon Technics mengandungi bahan dengan pelbagai kekerasan bagi suaian terbaik, bunyi berkualiti tinggi dan penebatan luarbiasa. Terdapat tujuh saiz pelekap yang boleh dipilih, daripada XXS ke XL, untuk memperoleh suaian terbaik yang menghasilkan kualiti bunyi unggul.

Model premium EAH-AZ80 (RM1,599) ditawarkan dalam rona hitam dan perak gelap, setiap satu dengan permukaan sensor sentuh yang dihasilkan melalui proses pemintalan dan menjanjikan pengalaman yang lebih elok untuk setiap pengguna. Pemegang cradle mempunyai kemasan aluminium berkualiti tinggi dan logo Technics berukir halus. Padat dan ringan, bentuk bulat boleh digenggam selesa dalam tangan.

Model EAH-AZ60M2 (RM1,299) terdapat dalam rona hitam, perak dan biru gelap. Pemegang cradle yang sangat padat dan mudah alih juga mempunyai kemasan kualiti tinggi dan logo berukir Technics yang memberi sentuhan premium.

Kedua-dua model akan berada di pasaran bermula Jun 2023 dan boleh didapati di:

Luar talian: Best Denki, All It Hypermarket

Dalam talian: Kedai online Panasonic, Lazada (kedai rasmi Panasonic), Shopee (kedai rasmi Panasonic)

ⁱ EAH-AZ80 sahaja.

ⁱⁱ Apabila disambung melalui Bluetooth®, LDAC menyokong sehingga 96 kHz/24 bit.

ⁱⁱⁱ Setakat 31 Mac 2023, menurut kajian oleh Perbadanan Panasonic, dinilai menggunakan garis panduan patuh JEITA di pasaran tunas telinga batal hingar Tanpa Wayar Sebenar.

^{iv} Serasi dengan telefon pintar dan tablet yang dilengkapi Android™ 6.0 ke atas dan menyokong Google Play™, atau iPhone®, iPad® dan iPod Touch® yang dilengkapi iOS12 ke atas.

Mengenai Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran bagi produk elektrik dan elektronik jenama Panasonic, termasuk produk audiovisual, perkakas rumah, pendingin udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, kelengkapan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan dan penjagaan kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi wakil-wakil penjual sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang jenama dan produk, kunjungi laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Hubungan Media**Stella Lim**

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Emel: stella.lim@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7605

Mazlee Mokhtar

Pengurus Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Emel: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7877